

Kajian Penambahbaikan Kursus-Kursus Modul Pengurusan Islam Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM

Kod Projek: UKM-PTS-2011-111

¹*Abdul Ghafar Don (Ketua Projek), ¹Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, ¹Anuar Puteh,
^{1,2}Badlihisam Mohd. Nasir & ¹Razaleigh Muhamat @ Kawangit*

¹Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENDAHULUAN

Penawaran kursus dalam Modul Pengurusan Islam Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (JPDK), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah selaras dengan Hasil Pembelajaran atau Programme Outcome (PO) JPDK yang antaranya adalah melahirkan pelajar yang berkebolehan mengenal pasti permasalahan hal ehwal Islam, berstrategi dan dapat menanganinya dengan cekap melalui pendekatan dakwah. Justeru, aspek-aspek seperti kurikulum, pengajaran dan pembelajaran merupakan mekanisme penting bagi mencapai PO yang telah ditetapkan. Kajian ini cuba menilai dan menganalisis aspek kandungan kurikulum kursus dan mencadangkan penambahbaikan kepada kursus-kursus dalam modul pengurusan Islam.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

1. Melihat kepentingan kursus-kursus modul pengurusan Islam
2. Menilai aspek kurikulum kursus-kursus modul pengurusan Islam
3. Mencadangkan penambahbaikan kursus-kursus modul pengurusan Islam

METODE PENYELIDIKAN

1. Kajian Dokumen

Kajian dokumen dilakukan bagi membina kerangka konsep berkaitan kepentingan kursus-kursus modul pengurusan Islam. Dokumen-dokumen seperti buku panduan yang mengandungi synopsis kursus akan dikumpul dan dianalisis bagi mendapatkan input untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan kursus bagi tujuan cadangan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran.

2. Kajian Lapangan

Kajian lapangan akan melibatkan 2 instrumen utama bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan kandungan kursus Modul Pengurusan Islam, iaitu:

- a. Temubual: Temubual menggunakan kaedah purposive sampling digunakan bagi mendapatkan pandangan responden terhadap kursus dalam modul pengurusan Islam. Bagi tujuan ini, responden yang terlibat secara langsung dalam mengajar kursus-kursus modul pengurusan, iaitu pensyarah-pensyarah modul pengurusan akan ditemubual.
- b. Soal Selidik: Satu set soal selidik yang dirangka akan diedarkan kepada para responden yang terdiri daripada pelajar modul pengurusan semasa bagi mendapatkan respon mereka terhadap kursus-kursus modul pengurusan

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Seminar/Konferen

1. Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia, PWTC, Kuala Lumpur, 1-2 Oktober 2011
2. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011, Pulau Pinang, 17-20 Disember 2011

Penerbitan

1. Modul Pengurusan Islam Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM dalam Melahirkan Da'i Graduan Berdaya Saing" (Prosiding Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011)
2. Kertas Kerja "Modul Pengurusan Islam Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM dalam Melahirkan Da'i Graduan Berdaya Saing" Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011.
3. Kertas Kerja "Jangkaan Output Modul Pengurusan Islam Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM dalam Melahirkan Modal Insan Berdaya Saing" Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011.

Modal Insan

1. Rafidah Sitam, Pembantu Penyelidik

KESIMPULAN

Kajian ini adalah di peringkat akhir. Data-data telah dikumpul untuk dianalisis. Dapatan kajian melalui projek penyelidikan ini diharap dapat membantu dalam menambahbaik kursus-kursus Modul Pengurusan Islam, Jabatan Pengajian dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.